

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RPW 532 Kaedah Analisa Perancangan II

Masa : (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Di dalam suatu negara demokrasi seperti Malaysia membuat keputusan perancangan sering kali melibatkan ramai peserta dan agak rumit. Bincangkan falsafah pengurusan serta sistem membuat keputusan yang sesuai.

( 25 markah )

2. Sistem fail kertas Bahagian Perancangan anda telah bertimbun dan berselerak. Rekabentukkan struktur sistem maklumat yang akan anda gunakan untuk analisis dan membuat keputusan secara berkesan dengan mengambil-kira kaedah pengkalan data.

( 25 markah )

3. Sebagai seorang jururancang yang mengendalikan suatu projek yang besar dan kompleks, terangkan bagaimana penggunaan Teknik Penilaian dan Kajian Semula Program (PERT) dan Kaedah Haluan Kritikal (CPM) dapat memudahkan tugas penganalisisan.

( 25 markah )

4. Adakah model-model analitik berguna di dalam proses perancangan?. Bincangkan dengan berdasarkan kepada model-model bandar yang telah anda kaji.

( 25 markah )

... 2/-

5. Apakah konsep disebalik kaedah Analisis Ambangan (Threshold Analysis) dan bagaimanakah kegunaannya di dalam proses perancangan?  
( 25 markah )
6. Kaedah Syif-Syer itu ketinggalan zaman dan kaedah Input-Output pula terlalu rumit. Beri komen tentang pernyataan tersebut dan bincangkan juga sama ada kedua-dua kaedah ini sesuai untuk penggunaan di Malaysia.  
( 25 markah )
7. Bincangkan kaedah dan teknik analisis yang telah dipelajari untuk penyediaan pelan struktur.  
( 25 markah )

-oooOooo-